



KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

POTENSI EFLUEN TERAWAT IWK BAGI KEGUNAAN LANDSKAP TANAMAN

1. Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) hari ini mencadangkan agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengguna semula efluen terawat yang dikeluarkan loji-loji rawatan kumbahan di bawah selenggaraan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, bagi kegunaan penyiraman pokok dan landskap di dalam bandar. Inisiatif ini bukan sahaja mampu menjana ekonomi kitaran, malahan satu usaha penting dalam pengurusan sumber air secara lestari melalui penggunaan efluen terawat sebagai sumber air alternatif.
2. Pada masa yang sama, perkhidmatan pembetulan yang disediakan oleh IWK juga adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencapai sasaran di bawah Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG) terutamanya berkaitan penyediaan sistem sanitasi yang bermutu kepada rakyat Malaysia. Dalam ini, penyediaan kemudahan tandas yang sempurna merupakan pra-syarat utama kepada penyediaan kebersihan awam dan kesihatan umum yang bermutu.
3. Efluen terawat daripada loji-loji rawatan kumbahan ini mempunyai potensi besar untuk diguna semula sebagai sumber air alternatif bagi tujuan bukan minuman. Inisiatif ini bertujuan untuk mengoptimumkan sumber air negara sedia ada sambil memelihara alam sekitar ke arah industri perkhidmatan air yang lestari. Langkah ini dijangkakan dapat mengurangkan beban permintaan terhadap air minum terawat dan dapat memastikan bekalan sumber air bersih yang berterusan.
4. Sempena sambutan Hari Tandas Sedunia 2021, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menjalankan pelbagai kempen dalam meningkatkan kesedaran kebersihan dan keselamatan tandas awam. Usaha ini pastinya telah memberi sokongan dalam pembangunan lestari khususnya bagi memastikan sumber air dan kemampunan alam sekitar terpelihara.
5. Dengan tema '*Valuing Toilets*' atau Menghargai Tandas yang dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun ini adalah bagi menarik perhatian terhadap fakta bahawa tandas dan sistem sanitasi mempunyai dana peruntukkan yang amat rendah jika dibandingkan dengan sektor lain. Perkara ini membawa kesan kepada kesihatan, ekonomi dan alam sekitar terutamanya dalam komuniti miskin dan terpinggir.

6. Pada masa yang sama, masyarakat awam juga perlu sedar bahawa ada wira yang tidak didendang yang sedang merawat kumbahan anda selepas anda menggunakan tandas. Air sisa kumbahan dirawat ini adalah bagi memastikan efluen yang dilepaskan semula ke perairan adalah selamat dan tidak mencemar alam sekitar.
7. Sempena sambutan ini juga, Galeri Pembedungan IWK telah dilancarkan untuk mempamerkan sejarah evolusi pembedungan negara meliputi monumen stesen pam pertama di Kuala Lumpur yang dibina pada 1956 ketika zaman pemerintahan British. Galeri Pembedungan IWK ini telah diwartakan sebagai sebahagian daripada Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Bangunan bersejarah ini menjadi satu legasi penting dalam sejarah pengurusan air kumbahan di Malaysia.
8. Saya berharap institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah dapat melawat Galeri ini bagi memahami spektrum penuh pengurusan air kumbahan di negara kita.

- TAMAT -

YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Menteri Alam Sekitar dan Air

22 November 2021